

## Objek Terbang yang Dikenalpasti

Disember 2019

Kenderaan atau sistem terbang tanpa pemandu (*UAVs*, *UASs*; dron) baru-baru ini mula digunakan secara meluas untuk pelbagai tujuan. Selain daripada hiburan, dron boleh digunakan secara sah untuk pemeriksaan visual dalam industri, pertanian, sains alam sekitar, pemantauan, pengukuran, penghantaran, dan lain-lain.

Kini dron kelihatan sama banyak seperti kapal terbang model. Wujud kebimbangan bahawa penggunaan dron dan pelanggaran dengan kelengkapan loji boleh menyebabkan kerosakan, bahkan kebakaran ataupun letusan. Baru-baru ini terdapat satu insiden yang melibatkan sebuah dron tentera di industri pemprosesan.

Semasa musim perayaan, *skyrockets* dan bunga api yang lain boleh memasuki kawasan dimana bahan mudah terbakar atau bahan boleh dibakar disimpan atau digunakan, dengan itu menjadi sumber pencucuhan.

Belon api (atau tanglung terbang) sering digunakan sebagai alternatif kepada bunga api; ia juga sumber pencucuhan – dan ia boleh terbang lebih jauh. Terdapat juga satu contoh dimana belon udara panas tidak dapat dielak daripada dipandu kearah sebuah loji, kemudian membuat pendaratan kecemasan didalam loji (lihat gambar dibawah dan Beacon April 2007: [Mr. Potato Head is Down](#)).



### Adakah anda tahu?

- Dalam kejadian belon udara panas tersebut, amalan dan latihan tindak balas kecemasan yang baik membolehkan kakitangan loji menghadapi situasi kecemasan, walaupun insiden itu tidak pernah dijangkakan.
- Selain kerosakan mekanikal dan bahaya kebakaran secara langsung, objek terbang mungkin berlanggar dengan talian kuasa yang tidak berpenebat dan menyebabkan litar pintas dan akibat yang selanjutnya. Ini sering dilaporkan tentang belon hiasan popular yang diisi helium yang diperbuat daripada helaian PET dengan permukaan metalik.

### Apa yang boleh anda lakukan?

- Apabila anda keluar meronda, periksa juga langit sekitar.
- Laporkan apa-apa yang memberi ancaman untuk terbang melepassi kawasan loji – selain daripada burung.
- Berhati-hati terutamanya ketika musim bunga api, tanglung terbang dan belon udara panas.
- Sekiranya terdapat loji kimia, stor bahan api, atau yang serupa dengannya berhampiran dengan tempat tinggal anda, nasihati jiran-jiran anda tentang bahaya ini jika mereka merancang aktiviti melibatkan bunga api atau dron.
- Jika loji anda menggunakan dron, aktiviti itu perlu menggunakan permit kerja seperti kerja bukan rutin yang lain.

**“Setiap hadiah yang baik dan sempurna datang dari atas sana” – tetapi bahaya juga datang dari atas!**

©AIChE 2019. All rights reserved. Reproduction for non-commercial, educational purposes is encouraged. However, reproduction for any commercial purpose without express written consent of AIChE is strictly prohibited. Contact us at [cps\\_beacon@aiche.org](mailto:cps_beacon@aiche.org) or 646-495-1371.